

BAB VI

KESIMPULAN

Bahagian kesimpulan akan membincangkan penemuan-penemuan umum yang diperolehi sepanjang kajian ini. Tema yang pengkaji bawa dalam bab ini ialah bagaimana budaya benda khususnya sigah dapat diteruskan dalam masyarakat yang semakin maju.

Masalah untuk mendapatkan bahan rujukan dalam kajian ini memberikan isyarat bahawa usaha perlulah dilipatgandakan dalam memperbanyakkan kajian mengenai kebudayaan kebendaan. Hanya melalui kajian dan pendokumentasian seperti ini yang akan dapat memberikan jaminan kebudayaan kebendaan dapat diselidiki lagi pada masa akan datang.

Peralatan untuk membuat sigah adalah merupakan bahagian utama yang menghasilkan budaya benda. Melalui teknologi pembuatan sigah maka diharapkan masyarakat akan lebih memahami bagaimana sigah dihasilkan oleh masyarakat yang terlibat dalam penghasilannya. Cara-cara memakai sigah yang turut diselitkan akan membolehkan semua orang dapat mencuba memakai sigah ini.

Sensitiviti masyarakat dan kreativiti mereka telah membolehkan mereka memetik nilai-nilai keindahan seni dan alam sekitar. Motif dan corak yang dipaparkan dalam sigah sulaman dan tenunan adalah berfungsi sebagai alat untuk menggambarkan idea-idea seni yang difikirkan. Motif dan corak juga memainkan peranan sebagai media komunikasi untuk menyampaikan mesej pembuatnya. Adalah jelas bahawa motif dan corak ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana agama. Motif yang dikatakan 'salib'

sebenarnya motif aperyan atau motif silang. Dakwaan yang sengaja atau tidak sengaja ini merupakan satu lagi isyarat bahawa adalah penting sekali untuk mengetahui dan memahami kebudayaan masyarakat lain.

Perkembangan masyarakat semasa nampaknya akan menenggelamkan kebudayaan kebendaan sebagai suatu budaya yang harus dipelihara. Ada dua cara yang pengkaji kemukakan untuk mengatasi masalah ini. Pertama, usaha pendokumentasian kebudayaan kebendaan dan keduanya memajukan nilai-nilai ekonomi yang ada dalam kebudayaan kebendaan. Masyarakat masa kini akan lebih mudah menerima perkara yang mempunyai nilai pasaran. Dalam hal ini pengeluar perlu mempunyai sikap komersial dalam mengeluarkan sigah keluaran mereka. Pengeluar mesti lebih peka dengan kehendak pasaran serta mempelbagaikan hasil keluaran dengan bahan yang sama untuk meluaskan lagi nilai kepenggunaan budaya benda.

Adalah jelas bahawa sigah memainkan berbagai-bagai fungsi sosial yang masih diamalkan hingga kini. Sigah sebagai suatu kelengkapan berpakaian, diletakkan sebagai puncak maruah dan kehormatan bagi si pemakainya. Adat-adat yang berkaitan dengan pemakaian sigah jelas menunjukkan bahawa masyarakat amat mengambil berat tentang fungsi sosial sigah ini. Antara fungsi yang dimainkan adalah seperti dari aspek maruah dan kehormatan, kepercayaan, pengiktirafan dan sebagai kelengkapan berpakaian.

Sigah dalam pilihanraya umum 1990, sebenarnya bukan setakat menjelaskan adanya manipulasi maklumat yang sepatutnya tidak dilakukan semasa kempen pilihanraya. Secara keseluruhannya isu sigah tersebut menjelaskan banyak perkara seperti isu perpaduan masyarakat di Malaysia, penguatkuasaan undang-undang yang selektif, masalah perkauman dan

Keagamaan yang terus berlaku dari dulu hingga sekarang dan adanya kemungkinan isu agama dan perkauman akan terus menerus dijadikan isu kempen pilihanraya pada masa akan datang. Isu ini walaupun diharamkan akan terus digunakan selagi mereka yang bertanggungjawab terlibat secara langsung untuk menjaga kepentingan peribadi mereka. Jika pihak berkuasa tidak mengambil sebarang tindakan maka mereka bolehlah dianggap sebagai mensesubahat. Kesannya ialah pemerintahan demokrasi yang diinginkan tidak akan wujud sepenuhnya kerana pengundi-pengundi sentiasa terikat dengan nilai-nilai perkauman dan keagamaan semasa memilih wakil-wakil mereka.

Semua ini menjelaskan bahawa adalah penting untuk memahami kebudayaan kebendaan masyarakat sendiri dan juga masyarakat luar. Jika semua sikap ini ditekankan, ia akan mengurangkan rasa prejudis dengan golongan masing-masing serta merapatkan hubungan antara kelompok masyarakat.

Budaya adalah perkara yang harus dipelihara. Budaya mencerminkan ketinggian tamadun masyarakat yang mengamalkannya. Manusia tanpa budaya adalah seperti binatang yang tidak berkembang. Kemajuan yang tidak diiringi dengan pemeliharaan nilai-nilai budaya asal lebih banyak mendatangkan masalah moral. Manusia tanpa budaya adalah juga seperti agama tanpa akidah.